

03/01/2003

'Tiada hak mengadu jika gagal bayar cukai'

Norfatimah Ahmad; Mona Ahmad

KUALA LUMPUR, Khamis - Warga Malaysia yang gagal menjelaskan cukai pendapatan tidak berhak membuat aduan mengenai kelemahan dan kekurangan perkhidmatan dan prasarana awam negara, kata Ketua Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Datuk Zainol Abidin Abd Rashid.

Katanya, ini kerana hasil yang dipungut daripada cukai pendapatan itu akan digunakan bagi membiayai pembangunan negara dan meningkatkan prasarana awam negara.

"Bila kita membayar cukai, barulah kita ada hak untuk membuat aduan jika tidak puas hati dengan prasarana yang tidak memuaskan termasuk jalan, air atau bekalan elektrik," katanya selepas majlis Hari Raya Bersama Media, di sini, hari ini.

Zainol Abidin berkata peningkatan kutipan hasil cukai pendapatan juga mampu meningkatkan prasarana dan pembangunan negara.

"Lagi banyak yang berjaya diketip, lagi banyak kemudahan awam yang boleh dinikmati semua pihak dibangunkan di negara ini," katanya.

Sehubungan itu, dalam usaha meningkatkan kesedaran pembayar cukai dengan menggunakan pendekatan mengutamakan pelanggan dengan memberi laluan mudah bagi pembayar mentaksir cukai dan membayar cukai mereka.

Malah, katanya, dengan kesedaran yang semakin meningkat di kalangan masyarakat, pungutan hasil cukai pendapatan pada tahun lalu meningkat sedikit berbanding tahun lalu.

Beliau, bagaimanapun, enggan menjelaskan jumlah sebenarnya cukai yang dipungut tahun lalu berikutan perlu memaklulkannya terlebih dulu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Jumlah kutipan cukai pendapatan 2001 meningkat sebanyak 43 peratus berbanding tahun sebelumnya dengan jumlah yang dicatat sebanyak RM41.2 bilion.

Terdahulu, dalam ucapannya beliau berkata dalam usaha memudahkan pelanggan menggunakan perkhidmatan LHDN, pihaknya memperkenalkan kemudahan sistem fail elektronik (e-filing) bagi membolehkan pembayar cukai dan syarikat mendapatkan borang tanpa perlu ke pejabat LHDN.

Selain itu, katanya, pihaknya turut menubuhkan unit elektronik pembelajaran (e-learning) bagi memudahkan capaian maklumat dan pembelajaran mengenai cukai untuk pegawai dan kakitangan LHDN.